



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

Merangkap

Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

**SEMPENA PELANCARAN GUIDELINE ON MERCURY
MANAGEMENT IN OIL AND GAS INDUSTRY 2011**

Tarikh : 14 Mei 2012

Masa : 2.30 petang

Tempat : Awana Kijal Terengganu

Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan(Kementerian Sumber Manusia)

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul pada petang ini bagi pelancaran *Guideline on Mercury Management in Oil and Gas Industry 2011*.
2. Saya turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur kerana sudi menjemput saya bagi menyampaikan Ucaptama pada petang ini.
3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan pada hari ini. Saya pasti kehadiran anda semua akan menyemarakkan lagi majlis pelancaran *Guideline on Mercury Management in Oil and Gas Industry 2011*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), telah membangunkan satu(1) Garispanduan berkaitan dengan pengurusan merkuri di dalam industri minyak dan gas. Garispanduan ini bertujuan sebagai rujukan untuk majikan dan pekerja dalam menguruskan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya yang telah disenaraikan di Jadual II, di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan kepada bahan Kimia Berbahaya) 2000 iaitu

Merkuri. Objektifnya adalah untuk menetapkan standard amalan kerja selamat yang disyorkan untuk kegunaan di industri minyak dan gas.

5. Ingin saya berkongsi kepada hadirin sekalian maklumat ringkas berkaitan merkuri. Merkuri merupakan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan. Secara asasnya merkuri wujud dari sumber semulajadi yang terdapat di kawasan gunung berapi, batu-batuan dan juga enapan tanah. Selain itu, merkuri ini juga hadir dari pekerjaan seperti di industri minyak dan gas, perlombongan emas, loji arang dan juga peleburan logam. Secara terperinci merkuri ini terdapat 3 jenis iaitu unsur merkuri sahaja dan campuran merkuri yang dinamakan *inorganic mercury* dan *organic mercury*. Walau bagaimanapun, keterukkan jenis merkuri ini adalah berdasarkan kepada tahap pendedahan kepada merkuri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Pendedahan kepada bahan kimia merkuri yang melebihi had pendedahan yang dibenarkan akan menunjukkan kepada 2 kesan iaitu kesan akut (kesan jangka masa pendek) dan kesan kronik (kesan jangka masa panjang). Antara kesan akut ialah kesan pada saraf, sakit dada, batuk berdarah dan banyak lagi. Manakala kesan kronik kebiasaanya akan merosakkan sistem saraf pada badan kita.
7. Selain daripada kesan terhadap kesihatan, pendedahan merkuri ini juga memberi kesan kepada jentera yang digunakan. Merkuri yang hadir akan menghakis jentera yang berasaskan logam. Hal ini sekaligus menunjukkan betapa besarnya kesan kepada industri jika jentera yang

digunakan rosak dengan kehadiran merkuri yang tidak diuruskan dengan baik serta akan menyumbang kepada risiko kemalangan di tempat kerja.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Kejadian kemalangan di tempat kerja banyak memberikan kesan buruk kepada negara amnya serta organisasi terlibat khususnya. Kemalangan yang berlaku mengakibatkan banyak kerugian termasuk kerosakan harta benda atau jentera mahu pun kehilangan nyawa atau anggota badan di samping melibatkan bayaran ganti rugi, kos perubatan, pampasan kepada keluarga mangsa dan sebagainya.
9. Berdasarkan data awal PERKESO, pada tahun 2011, negara mencatatkan sebanyak 59,897 kes kemalangan telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 17,106 (28.56%) kes kemalangan berlaku di sektor pembuatan berbanding 17,569 (30.48%) bagi tahun 2010. Kadar penurunan sebanyak 1,162 kes kemalangan di sektor pembuatan ini menunjukkan bahawa majikan dan pekerja mempunyai kesedaran tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Hal ini selari dengan data kadar kemalangan di tempat kerja dan perjalanan yang menunjukkan penurunan daripada 5.72 kes bagi setiap 1000 pekerja pada tahun 2010 kepada 5.45 kes bagi setiap 1000 pekerja pada tahun 2011.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Perundangan yang berkenaan iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) yang menitikberatkan tentang 'self-regulation' atau peraturan sendiri telah menjelaskan ruang lingkup kepada pematuhan yang merangkumi semua jenis tempat kerja dan kumpulan sasaran iaitu majikan, pekerja dan orang lain yang mungkin terbabit akibat daripada pekerjaan (orang awam). Ianya digubal dengan tujuan untuk mempertanggungjawabkan majikan dan pekerja daripada semua sektor pekerjaan di dalam hal-hal berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini adalah bagi membolehkan majikan dan pekerja termasuklah daripada sektor pembuatan menguruskan aspek KKP dengan lebih sistematik dan efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan, kematian, kecederaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

11. Secara khususnya, Garispanduan ini adalah untuk melindungi majikan dan pekerja daripada risiko yang tidak diingini. Garispanduan ini merupakan pertamanya *lead by industry*. Ini sekaligus berdasarkan konsep tripartisme penglibatan kerajaan, majikan dan pekerja iaitu JKPP, Petronas, Shell, Exxonmobile, Talisman, UKM, Medical Advisor dan 3M Occupational Health & Environmental Safety Division. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Saya amat percaya dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktiviti, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh

sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.

12. Akhir kata, saya menyarankan agar selepas ini, semua majikan yang melibatkan pekerja yang mempunyai risiko terdedah kepada merkuri dapat merujuk kepada Garispanduan Pengurusan Merkuri di Industri Minyak dan Gas dalam menyediakan amalan kerja yang selamat.

13. Saya dengan ini merasmikan **Guideline on Mercury Management in Oil and Gas Industry 2011.**